

**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA  
JABATAN PERDANA MENTERI**

---

**ARAHAN KEWANGAN KETUA PENGARAH  
BILANGAN 2 TAHUN 2022  
GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN PROGRAM LUAR NEGARA**

---

**1. TUJUAN**

Garis Panduan ini disediakan sebagai rujukan pegawai/ kakitangan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi memastikan semua permohonan kelulusan luar negara atas urusan rasmi yang dikemukakan adalah lengkap dan teratur mengikut peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

**2. OBJEKTIF**

- 2.1 Meningkatkan kefahaman dan pengetahuan pegawai/kakitangan mengenai tatacara permohonan semasa menjalankan tugas rasmi di luar negara dan seterusnya dapat meningkatkan kecekapan proses permohonan;
- 2.2 Mengurangkan bilangan kuiri/teguran yang berulang ke atas setiap permohonan yang dikemukakan dan seterusnya membantu mempercepatkan proses kelulusan permohonan tersebut.

**3. PERATURAN**

Garis Panduan ini disediakan dengan merujuk kepada arahan/ pekeliling berkuat kuasa sepetimana berikut:

- (a) Arahan Perbendaharaan;
- (b) Arahan Pegawai Pengawal Jabatan Perdana Menteri Tahun 2022: Strategi Kawalan Pengurusan Pentadbiran dan Kewangan Jabatan Perdana Menteri B.6 Tahun 2022;

- (c) Pekeliling Perbendaharaan WP 1.4 : Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi (Tidak Termasuk Anggota Tentera Dan Anggota Polis);
- (d) Pekeliling Perbendaharaan WP 1.10 : Kadar & Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan & Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Semasa Berkursus Kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan;

#### 4. TAFSIRAN

- (a) "**Majlis/Acara Rasmi Kerajaan Di Peringkat Antarabangsa**" adalah ditafsirkan sebagai mesyuarat/persidangan/konvensyen yang diadakan di peringkat antarabangsa, menerima jemputan sebagai pelawat secara rasmi berkaitan dengan urusan Kerajaan, acara pelancaran atau pembukaan rasmi serta penutup sesuatu projek/pertandingan oleh Kementerian/Jabatan.
- (b) "**Tugas Rasmi**" adalah tugas yang berkaitan dengan tugas pejabat selain daripada menghadiri kursus yang dibenarkan.
- (c) "**Kursus**" bermaksud sebarang kursus atau latihan yang berupa akademik atau praktik, lawatan sambil belajar, seminar dan bengkel, yang bercorak latihan.
- (d) "**Sistem Ez-Apply**" bermaksud sistem permohonan kelulusan berbelanja dalam talian bagi Jabatan/Agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM).
- (e) "**Pihak Berkuasa Melulus**" bermaksud Pihak yang diberi kuasa untuk memutuskan atau memuktamadkan sesuatu perolehan.
- (f) "**Bahagian/PTJ**" bermaksud Bahagian atau PTJ di bawah JAKIM yang bertanggungjawab membuat permohonan untuk mendapatkan kelulusan berbelanja.
- (g) "**Pegawai Pengawal**" bermaksud Pegawai yang dilantik oleh Menteri Kewangan atau Menteri Besar atau Ketua Menteri di bawah Seksyen 15A Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].
- (h) "**Ketua Jabatan**" bermaksud Ketua Pengarah/Timbalan Ketua Pengarah JAKIM.

## **5. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN/PENGARAH/KETUA UNIT**

Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan/ Pengarah/Ketua Unit untuk memastikan permohonan yang dibuat adalah lengkap dan teratur, munasabah dan berpatutan serta mengawal perbelanjaan di bawah Bahagian/PTJ masing-masing.

## **6. SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN DALAM MENIMBANG KELULUSAN PERMOHONAN**

- 6.1.1 Peruntukan dan perbelanjaan luar negara adalah berdasarkan siling yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan bagi setiap Jabatan/Agenzi dan tiada peruntukan tambahan akan dipertimbangkan. Ketua Jabatan hendaklah bertanggungjawab memastikan perbelanjaan dibuat mengikut tatacara kewangan semasa.
- 6.1.2 Keutamaan akan diberikan kepada tugas hakiki, mesyuarat/persidangan antarabangsa yang telah dijadualkan secara berkala dan yang telah mendapat kelulusan Jemaah Menteri serta kursus/latihan tajaan Kementerian/Jabatan atau yang ditanggung sepenuhnya oleh penganjur.
- 6.1.3 Bagi kursus/latihan yang ditanggung oleh penganjur, kelas penerbangan adalah berdasarkan tiket penerbangan yang disediakan oleh penganjur.
- 6.1.4 Keutamaan adalah dihadkan kepada perjalanan yang benar-benar perlu sahaja dengan bilangan pegawai yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri serta kaedah perjalanan yang menjimatkan.

## **7. TARIKH KUATKUASA**

Garis panduan ini adalah berkuatkuasa dengan serta merta.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



(DATUK HAJAH HAKIMAH BINTI MOHD YUSOFF)


Tarikh: 25/01/2022

## **GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN LUAR NEGARA**

- (i) Permohonan daripada Bahagian/ PTJ hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Kewangan tidak lewat 30 hari daripada tarikh program bagi tujuan semakan dokumen.
- (ii) Bagi proses permohonan melalui Ez-Apply, Bahagian/PTJ perlu mengemukakan satu (1) salinan dokumen bercetak dan satu (1) salinan dokumen melalui e-mel.
- (iii) Dokumen permohonan yang perlu dikemukakan seperti berikut:
  - (a) Memo Pencalonan Pegawai. Contoh seperti di **Lampiran 1**;
  - (b) Kelulusan Ketua Jabatan. Contoh seperti di **Lampiran 2**;
  - (c) Borang Menghadiri Persidangan/Seminar/Lawatan Rasmi. Contoh seperti di **Lampiran 3** (Lampiran A dan A1 yang telah dilengkapkan);
  - (d) Borang Permohonan Keluar Negara. Contoh seperti di **Lampiran 4**.  
(Borang Permohonan KNJ 1 dan 2 yang telah dilengkapkan);
  - (e) Aturcara Persidangan/Seminar/Lawatan. Contoh seperti di **Lampiran 5**;
  - (f) Salinan Surat Jemputan. Contoh seperti di **Lampiran 6**;
  - (g) Surat Kelulusan Kementerian Kewangan dan Justifikasi Melebihi Dua (2) Kali atau Dua (2) Orang Pegawai. Contoh seperti di **Lampiran 7**;
  - (h) Keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri (sekiranya berkaitan);
  - (i) Surat pengesahan bahwasanya perbelanjaan tugas rasmi ini adalah dibiayai oleh pihak penganjur (sekiranya ditanggung oleh penganjur).

**NOTA:** Dokumen sokongan hendaklah disediakan dalam format PDF dengan saiz tidak melebihi **2MB** bagi setiap dokumen tersebut, manakala Borang KNJ 1 dan 2 disediakan dalam format *Microsoft Excel*.

**Carta Alir**  
**Permohonan Kelulusan Program Luar Negara Atas Urusan Rasmi melalui Sistem Ez-Apply**

CARTA ALIRAN	PERANAN	TINDAKAN
 <pre> graph TD     Start(( )) --&gt; i[i]     i --&gt; ii{ii}     ii -- Tidak Lengkap --&gt; i     ii -- Lengkap --&gt; iii{iii}     iii -- Kuiri --&gt; i     iii -- Tiada Kuiri --&gt; iv[iv]     iv --&gt; End(( ))   </pre>	<b>BAHAGIAN / PTJ</b> <b>BKEW</b>	<p>(i) Mengemukakan permohonan kelulusan luar negara kepada Bahagian Kewangan.</p> <p>(ii) Menyemak permohonan Bahagian/PTJ dengan memastikan perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Memo Pencalonan Pegawai (Contoh di Lampiran 1);</li> <li>(b) Kelulusan Ketua Jabatan (Contoh di Lampiran 2);</li> <li>(c) Format Maklumat Pegawai Lampiran A dan A1 (Contoh di Lampiran 3);</li> <li>(d) Borang KNJ (Contoh di Lampiran 4);</li> <li>(e) Aturcara (Contoh di Lampiran 5);</li> <li>(f) Salinan Surat Jemputan (Contoh di lampiran 6);</li> <li>(g) Surat Kelulusan dan Justifikasi Melebihi Dua (2) Kali atau Dua (2) Orang (Contoh di Lampiran 7); dan</li> <li>(h) Keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri (sekiranya berkaitan); dan</li> <li>(i) Surat pengesahan bahawasanya perbelanjaan tugas rasmi ini adalah dibiayai oleh pihak penganjur (sekiranya ditanggung oleh penganjur).</li> </ul>

CARTA ALIRAN	PERANAN	TINDAKAN
	BKEW	<p>(iii) Mengunci masuk permohonan ke dalam Sistem Ez-Apply.</p> <p>(iv) Memaklumkan keputusan permohonan kepada Bahagian/ PTJ dengan memastikan perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Semua perbelanjaan yang telah diluluskan dapat dibelanjakan dengan lebih optimum; dan</li> <li>(b) Perbelanjaan dilaksanakan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.</li> </ul>



**SEKRETARIAT MAJLIS HALAL MALAYSIA  
(MEMO ANTARA BAHAGIAN)**

Fail: JAKIM.700-2/7/1 ( )

Tarikh: 29 September 2022

<b>TAJUK</b>	<b>PENCALONAN JURUAUDIT SYARIAH KE JEPUN BAGI TAHUN 2022</b>	
<b>KEPADA</b>	Ketua Pengarah	<b>Salinan:</b> DDMS
<b>DARIPADA</b>	Pengarah	

اللَّهُمَّ إِنِّي عَلَيْكَ بِرٌّ كَثِيرٌ وَّرَحْمَةً أَنْتَ أَنْتَ فِي بَرٍّ كَثِيرٍ

YBhg. Datuk,

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Berikut dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) telah memaklumkan bahawa satu misi pengauditan dan pemeriksaan rumah sembelih dan loji pemprosesan di negara Jepun akan diadakan pada tahun ini. Sehubungan dengan itu, JPV telah memohon kepada JAKIM untuk mencalonkan dua orang juruaudit Syariah bagi memenuhi keperluan pengesahan halal.

3. Sebagai makluman, pengauditan ke Jepun akan diadakan pada **8-15 Oktober 2022** melibatkan **3 permohonan rumah sembelih**. Sehubungan dengan itu, disertakan senarai nama calon juruaudit Syariah untuk perhatian dan kelulusan dari YBhg. Datuk seperti di Lampiran A.

4. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk mengenai perkara ini amat dialu-alukan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, wassalam.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"YAKINI HALAL MALAYSIA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MARZUKI BIN HASSAN)**

Email: marzuki@islam.gov.my

Tel: 03 8892 5087

**LAMPIRAN A**

**MISI PENG AUDIT DAN PEMERIKSAAN HALAL RUMAH SEMBELIH DAN LOJI  
PEMPROSESAN DI NEGARA JEPUN**

**SENARAI NAMA CALON JURUAUDIT SYARIAH**

No.	Nama	Bahagian	Gred
1.	Encik Marzuki bin Hassan	Sekretariat Majlis Halal Malaysia	S 54
2.	Encik Muhamad Hanan Syafiq bin Jamaludin	Sekretariat Majlis Halal Malaysia	S 44

Rujukan: JAKIM.700-2/7/1 ( )

Tarikh: 10 September 2022



**MINIT BEBAS  
SEKRETARIAT MAJLIS HALAL MALAYSIA**

Ketua Pengarah

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Melalui

Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

YBhg. Datuk,

**PERMOHONAN KELULUSAN PEGAWAI MENJALANKAN TUGAS RASMI DI JEPUN  
BAGI TAHUN 2022**

Dengan segala hormatnya izinkan saya menarik perhatian YBhg. Datuk berkaitan dengan perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Bahagian ini telah menerima jemputan rasmi daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) menjalankan misi pengauditan dan pemeriksaan rumah sembelih dan loji pemprosesan di Jepun pada **8-15 Oktober 2022**. Misi ini melibatkan **3 permohonan rumah sembelih**. Oleh yang demikian, **dua orang juruaudit Syariah** diperlukan untuk melaksanakan misi ini.

3. Sehubungan dengan itu, bahagian ini mencadangkan **dua orang pegawai** untuk menjalankan tugas ini. Maklumat berkenaan adalah seperti di Lampiran A.

4. Pertimbangan dan kelulusan YBhg. Datuk amat saya hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“YAKINI HALAL MALAYSIA”**

**(MARZUKI BIN HASSAN)**

Pengarah

Sekretariat Majlis Halal Malaysia

**📞:** 03 - 8892 587

**📠:** 03 - 8892 5005

**marzuki@islam.gov.my**

**MISI PENGAUDITAN DAN PEMERIKSAAN HALAL RUMAH SEMBELIH DAN LOJI PEMPROSESAN  
DI NEGARA JEPUN**

**SENARAI NAMA CALON JURUAUDIT SYARIAH**

Bil.	Nama	Bahagian	Gred
1.	Encik Marzuki bin Hassan	Sekretariat Majlis Halal Malaysia	S 54
2.	Encik Muhamad Hanan Syafiq bin Jamaludin	Sekretariat Majlis Halal Malaysia	S 44

Rujukan: JAKIM.700-2/7/1 ( )

Tarikh: September 2022

## KELULUSAN PEGAWAI MENJALANKAN TUGAS RASMI DI LUAR NEGARA

### Ulasan Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)

Bersetuju / Tidak Bersetuju Ulasan:

*Tiada halangan dengan pencalonan dan  
j di panjangkan untuk kelulusan ygby. Datuk*

(DATO' DR. SIRAJUDDIN BIN SUHAIMEE)

Tarikh: 19/9/22

### Ulasan Ketua Pengarah

Bersetuju / Tidak Bersetuju Ulasan:

(DATUK HAJAH HAKIMAH BINTI MOHD YUSOFF)

Tarikh: 20/9/22



**LAMPIRAN A****Menghadiri Persidangan, Seminar Dan Lawatan Rasmi Ke Luar Negeri**

a) Nama Persidangan / Seminar / Lawatan Rasmi / Kursus :

---

---

b) Tujuan :

---

---

c) Tempat hendak diadakan :

---

d) Tempoh :

---

e) (i) Bilangan Peserta dan Nama Ketua, jika bilangannya lebih daripada seorang :

1)

(K/P :

)

2)

(K/P :

)

3)

(K/P :

)

(ii) Keterangan-keterangan Peserta :

Nama

Pangkat

(iii) Sebutkan sama ada pegawai-pegawai

---

Kedutaan Malaysia di negeri tempat

---

persidangan/seminar lawatan rasmi

---

itu diadakan akan menyertai persidangan

---

itu. Sekiranya menyertai, nyatakan

---

mengapa kehadiran pegawai-pegawai

---

daripada negeri itu diperlukan :

---

f) Kerap Persidangan/Seminar/Lawatan Rasmi :

---

- g) Perbelanjaan ditanggung oleh : \_\_\_\_\_
- h) Faedahnya kepada Negara :
- a)
  - b)
  - c)
- i) Kelulusan Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Luar  
(Jika Persidangan/Seminar/Lawatan Rasmi itu diadakan di Negara Israel)
- 
- 
- 

- j) Saya mengesahkan bahawa maklumat-maklumat di atas adalah benar

Tarikh : \_\_\_\_\_

Nama Pegawai : \_\_\_\_\_  
Jawatan : \_\_\_\_\_

- k) Ulasan Ketua Jabatan

---

---

---

Tarikh : \_\_\_\_\_

Tandatangan Ketua Jabatan

- l) Kelulusan Pegawai Pengawal

---

---

---

Tarikh : \_\_\_\_\_

Tandatangan Pegawai Pengawal

**LAMPIRAN A1**

Nama Peserta :

Beberapa kali pegawai tersebut di perenggan e(ii) telah menghadiri Persidangan/Seminar/Lawatan Rasmi di Luar Negeri (Nyatakan) :

Tarikh dan tahun terakhir menerima elaun pakaian panas :



**LAMPIRAN A**

**Menghadiri Persidangan, Seminar Dan Lawatan**

**Rasmi Ke Luar Negeri**

a) Nama Persidangan / Seminar / Lawatan Rasmi / Kursus :

**Misi Pengauditan dan Pemeriksaan Halal Rumah Sembelih dan Loji Pemprosesan di Negara Jepun**

b) Tujuan :

**Menjalankan pengauditan dan pemeriksaan rumah sembelih dan loji pemprosesan atas tujuan pengiktirafan**

c) Tempat hendak diadakan :

**Negara Jepun**

d) Tempoh :

**8-15 Oktober 2022 (8 hari) termasuk hari perjalanan**

e) (i) Bilangan Peserta dan Nama Ketua, jika bilangannya lebih daripada seorang :

**1) Encik ██████████ (k/p: ██████████)**

**2) Encik ██████████ (k/p: ██████████)**

(ii) Keterangan-keterangan Peserta :

**Nama** **Pangkat**

**1) Encik ██████████ Pengarah (S54)**

**2) Encik ██████████ Penolong Pengarah Kanan (S44)**

V  
D

**LAMPIRAN A**

(iii) Sebutkan sama ada pegawai – pegawai Kedutaan Malaysia di negeri tempat persidangan/seminar lawatan rasmi itu diadakan akan menyertai persidangan itu. Sekiranya menyertai, nyatakan mengapa kehadiran pegawai-pegawai daripada negeri itu diperlukan :

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

f) Kerap Persidangan/Seminar/Lawatan Rasmi :

Bergantung kepada permohonan

g) Perbelanjaan ditanggung oleh :

h) Negara Jepun

i) Faedahnya kepada Negara :

a) JAKIM dapat memastikan abattoir dan loji pemprosesan yang memohon pengiktirafan mematuhi piawaian *Malaysian Standard MS 1500-2009* dan *The Malaysian Protocol For The Halal Meat and Poultry Productions* yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan Malaysia;

b) Menjamin produk daging dan sembelihan termasuk produk dieksport ke Malaysia mengikut hukum syarak dan Standard Halal Malaysia; dan

c) Mengeratkan hubungan diplomatik dan perdagangan melalui industri Halal.

LAMPIRAN A

- j) Kelulusan Kementerian Dalam .....  
Negeri dan Kementerian Luar .....  
(Jika Persidangan/Seminar/Lawatan Rasmi itu diadakan di Negara Israel )
- k) Saya mengesahkan bahawa maklumat-maklumat di atas adalah benar.

Tarikh : 14/9/2022

Tandatangan

**MARZUKI BIN HASSAN**

(Nama Pegawai : ..... Pengarah  
Sekretariat Majlis Hälal Malaysia  
(Jawatan : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia)

- l) Ulasan Ketua Jabatan: Disebutkan untuk mengetahui  
peraturan Standard Halal m'sia.

Tarikh.....

H. Marzuki

Tandatangan Ketua Jabatan

**DATUK HAJAH HAKIMAH BINTI MOHD YUSOFF**  
Ketua Pengarah  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

- m) Kelulusan Pegawai Pengawal:.....

Tarikh: .....

Tandatangan Pegawai Pengawal

**LAMPIRAN A1**

Nama Peserta : **ENCIK [REDACTED]**

Beberapa kali pegawai tersebut di perenggan e(ii) telah menghadiri Persidangan/Seminar/Lawatan Rasmi di Luar Negeri :

(i) Tahun ini (2022)

1. Tujuan: Menjadi Speaker di KazanSummit & World Halal day 2022

Tempat: Rusia

Tempoh: 18-21 Mei 2022

2. Tujuan : Misi Pengauditan Dan Pemeriksaan Halal Rumah Sembelih Dan Loji Pemprosesan

Tempat : Ireland

Tempoh: 4-10 Jun 2022

(ii) Tahun lepas (2021)

1. Tujuan : -TIADA

Tempat :

Tempoh :

Tarikh dan tahun terakhir menerima elaun pakaian panas : 19 Ogos 2022

**LAMPIRAN A1**

Nama Peserta : **ENCIK [REDACTED]**

Beberapa kali pegawai tersebut di perenggan e(ii) telah menghadiri Persidangan/Seminar/Lawatan Rasmi di Luar Negeri :

**(i) Tahun ini (2022)**

1. Tujuan : MISI PENG AUDITAN DAN PEMERIKSAAN RUMAH SEMBELIH DAN LOJI PEMPROSESAN

Tempat : Pakistan

Tempoh: 19 Februari – 3 Mac 2022

3. Tujuan: MISI PENG AUDITAN DAN PEMERIKSAAN HALAL RUMAH SEMBELIH DAN LOJI PEMPROSESAN

Tempat: Argentina

Tempoh: 19 Jun – 7 Julai 2022

**(ii) Tahun lepas (2021)**

1. Tujuan : -TIADA

Tempat :

Tempoh :

Tarikh dan tahun terakhir menerima elauan pakaian panas : JULAI 2019



## BORANG PERMOHONAN KELUAR NEGARA ATAS URUSAN RASMI BAGI JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

a. Sila lengkapkan borang KNJ.1.2015, Perincian Perbelanjaan (terdapat di Lembaran "KNJ.2.2015"), dan Lampiran A & A1 berserta kesemua dokumen sokongan berkaitan.

b. Isikan selengkapnya di petak berwarna

c. Ruangan \* adalah MANDATORI / WAJIB.

d. Setiap dokumen yang dilimbas (scan), MESTILAH tidak melebihi saiz 2MB.

e. Format dokumen yang perlu dilampirkan : Borang KNJ.1.2015 (**format MsExcel**) bersekali dengan Borang KNJ.2.2015

Lampiran A & A1 dalam satu fail (**format pdf**) - SAIZ FAIL TIDAK MELEBIHI 2MB

Kesemua dokumen sokongan yang berkaitan (**format pdf**) - SAIZ SETIAP FAIL TIDAK MELEBIHI 2MB

1. **Tujuan Keluar Negara \*** : (isikan seringkasnya)

2. **Tarikh Pergi \*** : (termasuk hari perjalanan)

<input type="text"/> h	<input type="text"/> h
/	
<input type="text"/> b	<input type="text"/> b

**Tarikh Balik \*** : (termasuk hari perjalanan)

<input type="text"/> h	<input type="text"/> h
/	
<input type="text"/> b	<input type="text"/> b

**Negara Dikunjungi \*** :

3. **Latarbelakang \*** : (nyatakan dalam point mengikut ruangan yang disediakan - maksima 3 point)

(a)

(b)

(c)

4. **Pegawai Terlibat** : (nyatakan sekurang-kurangnya seorang. Sekiranya melebihi 3 pegawai, sila nyatakan dalam lampiran berasingan)

**Nama (Pegawai Pertama) \***

**Jawatan**

**Skim** (cth : M, N, S, V, W)

**Gred** (cth : 01, 17, 26, 41, 48, 52)



**Nama (Pegawai Kedua)**

**Jawatan**

**Skim** (cth : M, N, S, V, W)

**Gred** (cth : 01, 17, 26, 41, 48, 52)



**Nama (Pegawai Ketiga)**

**Jawatan**

**Skim** (cth : M, N, S, V, W)

**Gred** (cth : 01, 17, 26, 41, 48, 52)

6. PERINCIAN PERBELANJAAN : SILA LENGKAPKAN PERINCIAN PERBELANJAAN PADA LEMBARAN (SHEET) "KNJ.2.2015" \*

<input type="checkbox"/>	PERBELANJAAN TANGGUNGAN JABATAN (ONE OFF KELUAR NEGARA JAKIM)	JUMLAH :	<input type="text"/>
<input type="checkbox"/>	PERBELANJAAN TANGGUNGAN JABATAN (DASAR SEDIA ADA JAKIM)	JUMLAH :	<input type="text"/>
<input type="checkbox"/>	PERBELANJAAN TANGGUNGAN AKAUN AMANAH JAKIM (Sila rujuk Perincian Perbelanjaan)	JUMLAH :	<input type="text"/>
<input type="checkbox"/>	PERBELANJAAN PEMBIAYAAN PIHAK LUAR (Sila rujuk Perincian Perbelanjaan)	JUMLAH :	<input type="text"/>
		JUMLAH BESAR :	<input type="text"/>

7. *Justifikasi* \* : (nyatakan dalam point mengikut ruangan yang disediakan - maksima 3 point)

(a)

(b)

(c)

8. *Faedah Kepada Negara / Jabatan* \* : (nyatakan dalam point mengikut ruangan yang disediakan - maksima 3 point)

(a)

(b)

(c)

**PERMOHONAN BERBELANJA KELUAR NEGARA ATAS URUSAN RASMI UNTUK  
PENJAWAT AWAM**

Jab/Agensi : JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

BIL	PERKARA	KELAYAKAN	JUMLAH (RM)
1.	Penerbangan	Ditanggung oleh :	
2.	Penginapan	Ditanggung oleh :	
3.	Elaun Makan (E.M)	RM x Hari X orang	
4.	Elaun Harian (E.H)		
5.	Pengangkutan		
6.	Elaun Pakaian Panas		
7.	Pendahuluan Diri		
8.	Pelbagai		
i.	Tambang Pengangkutan Awam Tempatan		
ii.	Telefon		
iii.	Telegram		
iv.	Bayaran Pos		
v.	Bayaran Faks		
vi.	Dobi		
vii.	Cukai Lapangan Terbang		
viii.	Excess Baggage		
ix.	Pertukaran Matawang Asing (3% daripada jumlah tuntutan perjalanan)		
x.	Tips dan Porterage (15% daripada Elaun Makan)		
xi.	Bayaran Passport Antarabangsa		
xii.	Visa		
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			.

Jumlah Pembiayaan

**SUMBER PEMBIAYAAN PERBELANJAAN :**

(Tandakan " / " pada kotak yang berkenaan)

<input type="checkbox"/>	<i>Peruntukan One Off JAKIM Tahun 2022</i>	
<input type="checkbox"/>	<i>Peruntukan Dasar Sedia Ada JAKIM</i>	
<input type="checkbox"/>	<i>Peruntukan Akaun Amanah JAKIM</i> <i>(namakan Akaun Amanah di ruangan ↴)</i>	
<input type="checkbox"/>	<i>Tajaan Pihak Ketiga</i> <i>(namakan pihak penaja di ruangan ↴)</i>	
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		



# BORANG PERMOHONAN KELUAR NEGARA ATAS URUSAN RASMI BAGI JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

- a. Sila lengkapkan borang KNJ.1.2015, Perincian Perbelanjaan (terdapat di Lembaran "KNJ.2.2015"), dan Lampiran A & A1 berserta kesemua dokumen sokongan berkaitan.
- b. Isikan selengkapnya di petak berwarna
- c. Ruangan \* adalah MANDATORI / WAJIB.
- d. Setiap dokumen yang diimbas (scan), MESTILAH tidak melebihi saiz 2MB.
- e. Format dokumen yang perlu dilampirkan : *Borang KNJ.1.2015 (format MsExcel) bersekali dengan Borang KNJ.2.2015*  
*Lampiran A & A1 dalam satu fail (format pdf) - SAIZ FAIL TIDAK MELEBIHI 2MB*  
*Kesemua dokumen sokongan yang berkaitan (format pdf) - SAIZ SETIAP FAIL TIDAK MELEBIHI 2MB*

1. **Tujuan Keluar Negara \*** : (Isikan seringkasnya)

Misi Pengauditan dan Pemeriksaan Abattoir/Loji Pemprosesan di Negara Turki

2. **Tarikh Pergi \*** : (termasuk hari perjalanan)

1	5	/	1	0	/	2	0	2	2
h	h		b	b		t	t	t	t

**Tarikh Balik \*** : (termasuk hari perjalanan)

2	6	/	1	0	/	2	0	2	2
h	h		b	b		t	t	t	t

**Negara Dikunjungi \*** :

Turki

3. **Latarbelakang \*** : (nyatakan dalam point mengikut ruangan yang disediakan - maksima 3 point)

- (a) Jakim telah dipertanggungjawabkan bagi pengurusan Pensijilan Halal di dalam dan di luar negara yang terangkum padanya melakukan pengauditan. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Oktober 2010 telah memutuskan bahawa pensijilan Halal dan pengiktirafan Badan Pensijilan Halal serta pengauditan dan pemeriksaan ke atas abattoir/loji pemprosesan turut melibatkan pengauditan di lapangan yang bertujuan memastikan ianya mematuhi standard dan piawai/prosedur yang ditetapkan oleh Malaysia.
- (b) Pemeriksaan dan pengauditan abattoir/loji pemprosesan merupakan salah satu elemen utama kelulusan pengiktirafan ke atas abattoir/loji pemprosesan bagi memastikan daging dan prosuk tenuus tersebut adalah terjamin halal dan boleh diimpor masuk ke pasaran Malaysia.
- (c) JAKIM berganding bahu dalam misi pemeriksaan dan pengauditan abattoir/loji pemprosesan bagi melicinkan hal-hal berkaitan sembelihan haiwan dan sumber haiwan bagi produk tenuus adalah mengikut kaedah syariah dan dokumen sembelihan adalah asli dan pemohon telah dipersijilkan halal daripada badan pensijilan halal luar negara yang diiktiraf oleh JAKIM.

4. **Pegawai Terlibat** : (nyatakan sekurang-kurangnya seorang. Sekiranya melebihi 3 pegawai, sila nyatakan dalam lampiran berasingan)

**Nama (Pegawai Pertama) \***

Azlinda binti Jamal

**Jawatan**

Penolong Pengarah Kanan

**Skim** (cth : M, N, S, V, W)

**Gred** (cth : 01, 17, 26, 41, 48, 52)

**S**

**44**

**Nama (Pegawai Kedua)**

Nor Hazirah binti Ahmad

**Jawatan**

Penolong Pengarah

**Skim** (cth : M, N, S, V, W)

**Gred** (cth : 01, 17, 26, 41, 48, 52)

**S**

**44**

**Nama (Pegawai Ketiga)**

**Skim** (cth : M, N, S, V, W)

**Gred** (cth : 01, 17, 26, 41, 48, 52)

6. PERINCIAN PERBELANJAAN : SILA LENGKAPKAN PERINCIAN PERBELANJAAN PADA LEMBARAN (SHEET) "KNJ.2.2015" \*

<input type="checkbox"/>	PERBELANJAAN TANGGUNGAN JABATAN (ONE OFF KELUAR NEGARA JAKIM)	JUMLAH :	
/	PERBELANJAAN TANGGUNGAN JABATAN (DASAR SEDIA ADA JAKIM)	JUMLAH :	8,004.00
	PERBELANJAAN TANGGUNGAN AKAUN AMANAH JAKIM <i>(Sila rujuk Perincian Perbelanjaan)</i>	JUMLAH :	
<input type="checkbox"/>	PERBELANJAAN PEMBIAYAAN PIHAK LUAR <i>(Sila rujuk Perincian Perbelanjaan)</i>	JUMLAH :	29,484.00
		JUMLAH BESAR :	37,488.00

7. *Justifikasi* \* : (nyatakan dalam point mengikut ruangan yang disediakan - maksima 3 point)

- ( a ) Memastikan bahawa struktur organisasi, pengurusan sumber manusia dan perlantikan halal slaughterman, halal checker, dan halal supervisor adalah dilantik setelah mendapat tauliah dari Badan pensijilan Halal Luar Negara yang diiktiraf oleh JAKIM.
- ( b ) Menjamin bahawa pengiktirafan yang diberikan oleh JAKIM kepada abattoir/loji pemprosesan ini benar-benar menepati prosedur dari aspek sumber manusia, prosedur penyembelihan, carta alir pemprosesan, garis panduan halal, tenaga pakar, sumber rujukan fatwa dan pengurusan hingga pemantauan.
- ( c ) Memeriksa proses penyembelihan, proses pemprosesan, ruang penyimpanan (penggudangan) dan logistik (pengangkutan) halal yang terlibat adalah diyakini halal dan terasing daripada haiwan yang tidak halal dan tidak sah sembelihan selain daripada memastikan rekod dan dokumentasi penyembelihan berada dalam keadaan mudah dicapai (traceability).

8. *Faedah Kepada Negara / Jabatan* \* : (nyatakan dalam point mengikut ruangan yang disediakan - maksima 3 point)

- ( a ) JAKIM dapat mengenalpasti Badan Pensijilan Halal Luar negara yang diiktiraf komited dalam mempersijilkan dan memantau aktiviti sembelihan yang dijalankan oleh pemohon dengan mematuhi Malaysia Standard MS 1500:2009 dan The Malaysian Protocol For The Halal Meat and Poultry Productions yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan Malaysia.
- ( b ) Selain dapat menjamin produk makanan Halal yang dikeluarkan dan dieksport ke Malaysia mengikut hukum syarak dan Standard Halal Malaysia, JAKIM juga dapat memastikan aditor yang menjalankan audit di lapangan mempunyai kesederaan yang cukup dan kompeten
- ( c ) Memperkuatkan hubungan dua hala bukan sahaja menerusi diplomatik dan perdagangan bahkan melalui industri halal

**PERMOHONAN BERBELANJA KELUAR NEGARA ATAS URUSAN RASMI UNTUK  
PENJAWAT AWAM**

Jab/Agensi : JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

BIL	PERKARA	KELAYAKAN	JUMLAH (RM)
1.	Penerbangan	Ditanggung oleh : Negara Turki	RM10,380.00
2.	Penginapan	Ditanggung oleh : Negara Turki	RM19,104.00
3.	Elaun Makan (E.M)	RM195.00 x 12 Hari X 2 orang	RM4,680.00
4.	Elaun Harian (E.H)		
5.	Pengangkutan		
6.	Elaun Pakaian Panas		
7.	Pendahuluan Diri		
8.	Pelbagai		
i.	Tambang Pengangkutan Awam Tempatan		
ii.	Telefon	RM300.00 x 2 orang	600.00
iii.	Telegram		
iv.	Bayaran Pos		
v.	Bayaran Faks		
vi.	Dobi	RM300.00 x 2 orang	600.00
vii.	Cukai Lapangan Terbang	RM200.00 x 2 orang	400.00
viii.	Excess Baggage	RM200.00 x 2 orang	400.00
ix.	Pertukaran Matawang Asing (3% daripada jumlah tuntutan perjalanan)		222.00
x.	Tips dan Porterage (15% daripada Elaun Makan)		702.00
xi.	Bayaran Passport Antarabangsa	RM200.00 x 2 orang	400.00
xii.	Visa		
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>37,488.00</b>

Jumlah Pembiayaan

**SUMBER PEMBIAYAAN PERBELANJAAN :**

(Tandakan " / " pada kotak yang berkenaan)

<input type="checkbox"/>	Peruntukan One Off JAKIM Tahun 2022	
<input checked="" type="checkbox"/>	Peruntukan Dasar Sedia Ada JAKIM	8,004.00
<input type="checkbox"/>	Peruntukan Akaun Amanah JAKIM (namakan Akaun Amanah di ruangan /)	
<input type="checkbox"/>	Tajaan Pihak Ketiga (namakan pihak penaja di ruangan /)	29,484.00
<b>NEGARA TURKI</b>		
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>37,488.00</b>



## Itinerary of

Review and compliance Audit for meat establishment exported to Malaysia

8 OCT - 15 OCT 2022

Date	Transportation	Time	Activity
10/8 SAT	Flight	TBD (7h)	Kuala Lumpur International Airport - Narita Airport
	Express train (Narita Express)	TBD (1h)	Narita Airport station - Tokyo station
	Taxi or walk	TBD	Tokyo station - Hotel
10/9 SUN	Rest day	-	(Check schedule and documents)
10/10 MON	Walk		Hotel – Ministry of Health Labor and Welfare (TBD)
	-	9:00 – 12:00 (3h)	Opening meeting
	-	12:00 – 13:00 (1h)	Lunch
	-	13:00 – 15:00 (2h)	Opening meeting
	Car	15:00 – 16:00 (1h)	Ministry of Health Labor and Welfare (TBD) - Haneda Airport
	Flight	17:30 – 18:45 (1h 15m)	Haneda Airport - Tokushima Airport
	Car	19:00 – 19:40 (40m)	Tokushima Airport – Hotel
10/11 TUE	Car	7:00 - 8:30 (1h 30m)	Hotel - Nishiawa beef Ltd(EST. No:TOKU-2)
	-	8:30 – 12:00 (3h 30m)	Inspection on Nishiawa beef Ltd (EST. No: TOKU-2)
	-	12:00-13:00 (1h)	Lunch
	-	13:00 – 15:30 (2h30m)	Inspection on Nishiawa beef Ltd (EST. No: TOKU-2)
	Car	15:30 – 15:50 (20m)	Nishiawa beef Ltd (EST. No: TOKU-2) Awakeda Station

	Express Train	16:21– 17:41 (1h 20m)	Awaikeada Station - Okayama Station
	Shinkansen	17:53– 18:24 (31m)	Okayama Station - Shinkobe Station
	Train	TBC	Shinkobe Station - Yokoyama Station
	Walk	TBC	Yokoyama Station - Hotel
10/12 WED	Car	8:50: – 9:00 (10m)	Hotel - Sanda Meat Center (EST. No: KOBE-2)
	-	9:00 – 12:00 (3h)	Inspection on Sanda Meat Center (EST. No: KOBE-2)
	-	12:00 – 13:00	Lunch
	-	13:00 – 16:00 (3h)	Inspection on Sanda Meat Center (EST. No: KOBE-2)
	Car	16:00 – 16:15 (10m)	Sanda Meat Center (EST. No: KOBE-2) - Yokoyama Station
	Train	TBD	Yokoyama Station - Shinkobe Station
	Shinkansen	TBD (3h)	Shinkobe Station - Kumamoto Station
	Walk	TBD	Kumamoto Station - Hotel
10/13 THU	Car	7:30 – 8:30 (1h)	Hotel - Kumamoto Chuo Meat Center (EST. No: KU-3)
	-	8:30 – 12:00 (3h 30m)	Inspection on Kumamoto Chuo Meat Center (EST. No: KU-3)
	-	12:00 – 13:00 (1h)	Lunch
	-	13:00 – 15:30 (2h 30m)	Inspection on Kumamoto Chuo Meat Center (EST. No: KU-3)
	Car	15:30 – 16:30 (1h)	Kumamoto Chuo Meat Center (EST. No: KU-3) Kumamoto Airport
	Flight	17:25 – 19:00	Kumamoto Airport - Haneda Airport
	Train	19:30 – 20:30 (1h)	Haneda Airport - Tokyo Station
	Taxi or walk	TBD	Tokyo station - Hotel
10/14 FRI	Walk		Hotel - Ministry of Health Labor and Welfare (TBD)
		9:00 - 12:00	Closing meeting
	-	12:00 – 13:00 (1h)	Lunch
		13:00 – 15:00 (2h)	Closing meeting

	Walk	TBD	Ministry of Health Labor and Welfare (TBC) - Hotel
<b>10/15 SAT</b>	Walk or Taxi	TBD	Hotel – Tokyo Station
	Express Train (Narita Express)	TBD	Tokyo Station – Narita Airport Station
	Flight	TBD	Narita Airport - Kuala Lumpur International Airport (Malaysia)





## JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

*Department Of Veterinary Services*

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan  
Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2  
No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4  
62630 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000  
Faks : 603-8888 6021  
E-mel : [pro@dvs.gov.my](mailto:pro@dvs.gov.my)  
Laman Web : [www.dvs.gov.my](http://www.dvs.gov.my)

Ruj. Kami : JPV/BRV/P/600-1/7/5 (95)

Tarikh : 22 OGOS 2022

**YBhg. Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff**  
Ketua Pengarah,  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM),  
Blok A dan B, Kompleks Islam Putrajaya  
No. 23 Jalan Tuanku Abdul Rahman, Presint 3  
62100 PUTRAJAYA

YBhg. Datuk,

### PENCALONAN PEMERIKSA JAKIM BAGI MISI PENGAUDITAN DAN PEMERIKSAAN ABATOIR DI NEGARA JEPUN 2022

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) akan menjalankan misi pengauditan dan pemeriksaan bagi tiga (3) abatoir di Jepun pada **8<sup>hb</sup> – 15<sup>hb</sup> Oktober 2022**. Tujuan lawatan adalah untuk menjalankan pemeriksaan keatas abatoir tersebut supaya mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi tujuan eksport produk ke Malaysia.

3. Justeru itu, Jabatan ini amat berbesar hati dan memohon kepada pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk menghantar dua (2) orang pegawai JAKIM bagi 1 kumpulan pegawai pemeriksa untuk mengikuti misi pengauditan dan pemeriksaan ini. Pembentangan kos lawatan pemeriksaan ini adalah ditanggung oleh kerajaan negara yang terlibat. Walau bagaimanapun, eluan makan adalah ditanggung oleh Jabatan masing-masing.

4. Kerjasama dan sokongan dari YBhg. Datuk adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan jutaan terima kasih.

Sekian terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. AKMA BINTI NOAH HAMID)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia

s.k.: I. Fail





JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA  
 Blok A & B, Kompleks Islam Putrajaya  
 No. 23, Jalan Tunku Abdul Rahman  
 Presint 3, 62100 PUTRAJAYA

Tel : 603-8870 7000  
 Faks : 603-8870 7707  
 Portal Rasmi : [www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)

Ruj. Kami : JAKIM.100-7/6/6 JLD 2 (81)  
 Tarikh : 28 September 2022

Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
 Kementerian Kewangan Malaysia  
 Pejabat Belanjawan Negara  
 Aras 7 Utara, Presint 2  
 Kompleks Kementerian Kewangan Malaysia  
 62592 PUTRAJAYA  
 (u/p: Puan Rahayu binti Mohamad)

Puan,

**PERMOHONAN KELULUSAN KHAS MELEBIHI DUA KALI KE LUAR NEGARA ATAS URUSAN RASMI : NEGARA AUSTRALIA (MISI 2)**

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa JAKIM telah menerima jemputan untuk kali kedua daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Malaysia untuk menjalankan Misi Pengauditan dan Pemeriksaan Halal Rumah Sembelih dan Loji Pemprosesan di Negara Australia mulai 15 sehingga 29 Oktober 2022.

3. Pegawai yang dicalonkan untuk menjalankan misi di atas telah keluar negara sebelum ini. Sehubungan itu, disertakan justifikasi permohonan ke luar negara untuk misi ini seperti berikut :

- i. Pegawai yang dicalonkan merupakan juruaudit Syariah yang kompeten dan mahir dalam isu teknikal, garis panduan, standard of procedure yang digunakan serta berkepakaran untuk mejelaskan bagaimana proses pengesahan pensijilan halal dilaksanakan
- ii. Pengulangan semula pergerakan pegawai keluar negara perlu dilaksanakan kerana jumlah permohonan dan jemputan luar yang tinggi serta kekangan pegawai yang mahir dalam urusan yang ingin dilaksanakan

4. Pegawai yang terlibat dalam permohonan ini adalah seperti berikut :

BIL.	NAMA	PERKARA
1	Encik Ahmad Kamis bin Abdullah Penolong Pengarah Kanan Gred S44 Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti	<u>Kekerapan :</u> i) Pegawai (1) telah keluar negara sebanyak 1 kali ii) Pegawai (2) telah keluar negara sebanyak 2 kali iii) Pegawai (3) telah keluar negara sebanyak 2 kali

2	Encik Muhammad Suffian bin Daros Penolong Pengarah Kanan Gred S44 Sekretariat Majlis Halal Malaysia	iv) Pegawai (4) telah keluar negara sebanyak 1 kali
3	Puan Siti Rohayu Aminah binti Sultan Penolong Pengarah Kanan Gred S44 Bahagian Pengurusan Halal	<p><u>Pemeriksaan dan Pengauditan :</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Misi Pengauditan dan Pemeriksaan Halal Rumah Sembelihan dan Loji Pemprosesan meliputi 13 permohonan rumah sembelihan</li> <li>ii) Misi ini melibatkan dua (2) Juruaudit Syariah</li> </ul>
4	Puan Nur Afarina Najibah binti Jamil Penolong Pengarah Kanan Gred S44 Bahagian Pengurusan Halal	<p><u>Kaitan Misi dengan JAKIM :</u></p> <p>JAKIM merupakan agensi yang berwibawa dalam membuat pengesahan halal. Oleh yang demikian, 4 orang Juruaudit Syariah yang kompeten telah dijemput oleh pihak JPV untuk turut serta dalam misi ini bagi melaksanakan pemeriksaan dan pengesahan halal di loji yang terlibat</p> <p><u>Implikasi Kewangan :</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Kos tiket kapal terbang (RM17,872.00) dan penginapan (RM44,976.00) akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak Negara Australia</li> <li>ii) Tuntutan elaun makan (RM15,300.00) dan elaun pelbagai (RM9,629.00) berdasarkan kiraan umum di bawah pekeliling yang berkuatkuasa</li> </ul>

5. Perhatian dan pertimbangan puan dalam permohonan ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MUHAMMAD FAUZAN BIN MUHAMMAD ALI)**

Bahagian Kewangan

b.p: Ketua Pengarah

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Tel : 03-8870 5564 Email : mfauzanali@islam.gov.my



**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**  
Kompleks Kementerian Kewangan  
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62592 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03-8000 8000  
Faks : 03-8882 3893  
03-8882 3894  
Laman Web: [www.mof.gov.my](http://www.mof.gov.my)

MOF.NBO.600-9/1/104 JLD.5 (S.K.10)( 3 )

12 Oktober 2022

Ketua Pengarah  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia  
Blok A & B, Kompleks Islam Putrajaya  
No. 23, Jalan Tunku Abdul Rahman  
Presint 3  
**62100 PUTRAJAYA**  
(u.p.: Puan Noor Azura binti Tarmizi)

Puan,

**PERMOHONAN KELULUSAN KHAS KE LUAR NEGARA MELEBIHI DUA KALI DAN MELEBIHI DUA ORANG PEGAWAI ATAS URUSAN RASMI – NEGARA AUSTRALIA (MISI 2)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) rujukan JAKIM.100-7/6/6 JLD.2 (84) bertarikh 5 Oktober 2022 mengenai perkara di atas.

2. Kementerian Kewangan (MOF) telah meneliti permohonan JAKIM berhubung cadangan kehadiran empat (4) orang pegawai JAKIM atas urusan pengauditan dan pemeriksaan *abattoir* di Australia pada 15 sehingga 29 Oktober 2022. Sehubungan itu, permohonan tersebut adalah diluluskan dengan kos seperti berikut:

- i. Kos penginapan dan kos penerbangan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Australia;
- ii. Kos makan minum dan kos tuntutan elauan pelbagai sepanjang misi audit tersebut dianggarkan berjumlah RM24,929 ditanggung menggunakan peruntukan sedia ada tahun 2022 JAKIM; dan
- iii. Lawatan dan pengauditan tersebut tidak melibatkan sebarang peruntukan tambahan kepada JAKIM.


3. Sehubungan itu, pihak JAKIM hendaklah memastikan segala perbelanjaan yang terlibat bagi tujuan ini mematuhi segala Arahan serta Pekeliling Kewangan yang sedang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(MUHAMAD SHAHRILOTHMAN)**  
Pejabat Belanjawan Negara  
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
■ 03-8882 3839 ☎: [shahril.othman@mof.gov.my](mailto:shahril.othman@mof.gov.my)

s.k:

Timbalan Ketua Setiausaha Kanan  
Jabatan Perdana Menteri  
Blok B8, Kompleks Jabatan Perdana Menteri  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**(u.p.: Puan Inu Baizura binti Mohamad Zain)**